

Apabila Menerima Polisi Anda

Sila baca **Polisi** ini serta **Jadualnya** dan sekiranya sebarang maklumat dalam **Jadual Polisi anda** didapati tidak betul, atau perlu diubah, sila maklumkan **kami** dengan segera.

Sila baca Polisi anda dan Jadualnya dengan teliti untuk memastikan anda memahami:

- Apa yang dilindungi
- Apa yang tidak dilindungi

Suatu Panduan kepada Polisi Kemalangan Diri Mini Anda

Panduan Seksyen		Muka Surat
Perjanjian Kami	- Perjanjian Kami.....	2
Kewajipan Anda Untuk Memberitahu Kami	- Kewajipan Pendedahan.....	2
Bagaimana Insurans Anda Beroperasi	- Apa yang kami insuranskan dan apakah yang membentuk Polisi ini.....	2
Tafsiran Perkataan	- Suatu penjelasan tentang perkataan-perkataan yang digunakan di dalam Polisi ini.....	3
Jadual Manfaat	- Senarai Manfaat-Manfaat dengan Jumlah Diinsuranskan	4
Keterangan Manfaat	-	4
Pengecualian Am	- Keadaan yang kami tidak insuranskan di bawah Polisi ini secara keseluruhan	5
Syarat Am	- Hak anda dan hak kami di bawah Polisi ini.....	5
Syarat Tuntutan	- Apa yang anda perlu lakukan jika anda perlu membuat suatu tuntutan.....	7
Prosedur Aduan	- Siapa yang anda perlu hubungi untuk membuat aduan.....	8
Perlindungan Data Peribadi	- Akses kepada dan penggunaan Data Peribadi anda	8
Fasal Cukai	- Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan.....	9
Penamaan	- Orang yang dinamakan oleh anda	9

Perjanjian Kami

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Polisi ini dikeluarkan dengan balasan terhadap pembayaran **premium** sebagaimana ditentukan dalam **jadual** dan selaras dengan jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **anda** (atau apabila **anda** memohon insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang diberi oleh **anda** semasa penyerahan Borang Cadangan **anda** (atau apabila **anda** memohon insurans ini) dan semasa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **anda** hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **anda** dan pihak **kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan **anda** atau mana-mana pendedahan yang diberikan oleh **anda**, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **anda** dan pihak **kami**.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Polisi ini dikeluarkan dengan balasan terhadap pembayaran **premium** sebagaimana ditentukan dalam **jadual** dan selaras dengan jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **anda** (atau apabila **anda** memohon insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang diberi oleh **anda** semasa penyerahan Borang Cadangan **anda** (atau apabila **anda** memohon insurans ini) dan semasa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **anda** hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **anda** dan pihak **kami**. Sekiranya berlaku sebarang salah nyata semasa pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan **anda** atau mana-mana pendedahan yang diberikan oleh **anda**, ini boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **anda**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **anda** dan pihak **kami**.

Kewajipan Anda Untuk Memberitahu Kami

Kewajipan Pendedahan - Maklumat dan Perubahan Yang Perlu Kami Ketahui

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Apabila **anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, **anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) iaitu **anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma yang akan dikenakan. **Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Apabila **anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, **anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **anda**.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Bagaimana Insurans Anda Beroperasi

Insurans tidak melindungi **anda** daripada segala-gala yang boleh berlaku.

Tajuk tidak membentuk sebahagian daripada susun kata polisi.

Polisi ini menetapkan perlindungan insurans yang **anda** terima seperti yang ditunjukkan dalam **jadual** dan keadaan di mana **anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Anda mestilah mematuhi dan memenuhi Terma, Syarat, **Pengendorsan**, Fasal atau Waranti **polisi**. Jika mana-mana maklumat di dalam insurans ini adalah tidak betul, tidak tepat atau berubah selepas **anda** membeli **polisi anda** dan semasa dalam tempoh **polisi anda**, sila berikan kami maklumat tersebut dengan menghubungi Penasihat Insurans **anda** atau cawangan **MSIG kami** yang terdekat.

Tafsiran Perkataan

Perkataan-perkataan tertentu telah ditafsirkan di bawah. Perkataan-perkataan ini mempunyai maksud yang sama di mana ia digunakan dalam **polisi** atau **jadual** dan ditonjolkan dalam **polisi** dengan huruf tebal, contohnya **orang yang diinsuranskan**, **kecederaan** dan sebagainya. Perkataan berbentuk mufrad hendaklah termasuk bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada **jantina lelaki** hendaklah termasuk **jantina wanita**.

Kemalangan/ Akibat Kemalangan

bermaksud kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa pada masa dan tempat boleh dikenal pasti yang hendaklah, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya punca utama **kecederaan** badan.

Pengendorsan

bermaksud perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **polisi** ini.

Aktiviti-aktiviti Berbahaya

bermaksud mendaki gunung atau menakik turun yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan memanjat lain, aktiviti luar pesisir di luar lingkungan 5 kilometer dari mana-mana pesisir pantai dan termasuk merakit atau berkanu meredah jeram, terjun bungee, kegiatan penerbangan atau sebarang kegiatan udara lain melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang berlesen sepenuhnya, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan alat pernafasan tiruan sehingga kedalaman lebih 18 meter, bermain polo menaiki kuda, lari berhalangan, sebarang bentuk seni mempertahankan diri, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki atau berenang) atau ujian kelajuan atau kebolehpercayaan, lompatan ski, perlumbaan ski-bob, ski gaya bebas, penggunaan kereta geluncur, sebarang bentuk pertandingan dan kegiatan sukan profesional, sebarang percutian sukan yang dianjurkan atau kegiatan lain yang memerlukan tahap kemahiran tertentu.

Rumah

bermaksud tempat kediaman biasa **anda** di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam **jadual**.

Penghospitalan

bermaksud dimasukkan ke hospital di mana hospital mengenakan caj bagi bilik dan makan, dan **orang yang diinsuranskan** hendaklah dimasukkan secara berterusan tanpa gangguan sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam atas nasihat dan di bawah jagaan dan kehadiran tetap doktor.

Kandungan Isi Rumah

bermaksud jenis barangan isi rumah dan setiap barangan peribadi kepunyaan **anda** atau mana-mana ahli keluarga **anda** yang biasanya tinggal bersama **anda** di rumah **anda**.

Kecederaan

bermaksud **kecederaan** badan yang dialami dalam tempoh insurans yang merupakan kesan langsung **kemalangan** bagi tuntutan untuk kematian atau hilang upaya. Ini dilanjutkan kepada **kecederaan** badan yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur bencana alam. Ini tidak termasuk sebarang kesakitan, penyakit, jangkitan bakteria atau virus (melainkan disebabkan secara langsung oleh **kecederaan** badan akibat **kemalangan**), keadaan yang dialami secara semula jadi atau proses degeneratif atau disebabkan oleh punca yang berlaku secara beransur-ansur.

Diri yang Diinsuranskan/ Orang yang Diinsuranskan/ Anda

bermaksud individu yang dinamakan dalam **jadual** yang merupakan warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah atau menetap di Malaysia.

Wakil Sah

bermaksud individu atau Pemegang Amanah Raya atau syarikat amanah yang berhak di bawah undang-undang untuk menerima wang **polisi** yang perlu dibayar di bawah **polisi** menurut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bagi kematian akibat kemalangan ke atas **orang yang diinsuranskan**.

Pengamal Perubatan/ Doktor

bermaksud **pengamal perubatan** berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan ilmu perubatan barat dan semasa menyediakan rawatan sedemikian, menjalankan tugas dalam lingkungan bidang kuasa lesen dan latihannya dalam kawasan geografi amalnya, tetapi tidak termasuk **pengamal perubatan** atau **doktor** yang merupakan **orang yang diinsuranskan** itu sendiri.

Tempoh Insurans

bermaksud tempoh di mana **anda** dilindungi.

Polisi

bermaksud kontrak insurans **anda** yang mengandungi pernyataan **polisi** ini, **jadual** dan sebarang **pengendorsannya**.

Premium

bermaksud sebarang jumlah yang **anda** perlu bayar sebagaimana yang dikehendaki **kami** di bawah **polisi** dan termasuk caj-
caj kerajaan yang sedia ada.

Jumlah Diinsuranskan/ Jumlah Yang Diinsuranskan

bermaksud jumlah yang ditentukan bagi setiap manfaat yang dinyatakan dalam jadual manfaat, yang merupakan jumlah maksimum yang kami akan bayar sekiranya berlaku tuntutan.

Jadual

bermaksud butiran diri yang diinsuranskan atau orang yang diinsuranskan dan sebahagian elemen insurans yang diberi. Jadual ini adalah sebahagian daripada polisi.

Kami/ Syarikat/ MSIG

bermaksud MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

Jadual Manfaat

Manfaat-Manfaat	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)	Pelan D (RM)	Pelan E (RM)
(A) Kematian Akibat Kemalangan	25,000	35,000	45,000	50,000	70,000
(B) Kehilangan Upaya Penuh Kekal	25,000	35,000	45,000	50,000	70,000
(C) Elaun Perakabungan	500	500	500	500	500
(D) Elaun Bantuan Banjir	1,000	1,000	1,200	1,200	1,500
(E) Pendapatan Hospital Harian (sehari, sehingga 45 hari setahun)	Tidak Dilidungi	Tidak Dilidungi	Tidak Dilidungi	75	120

Keterangan Manfaat

Kami akan membayar anda atau wakil sah anda bagi kecederaan seperti yang ditakrifkan dalam polisi:

Pampasan bagi kematian atau hilang upaya (Manfaat) seperti yang dinyatakan di bawah jika orang yang diinsuranskan tercedera dan dalam tempoh satu (1) tahun selepas kejadian, kecederaan menjadi satu-satunya punca kematian atau hilang upaya. Polisi ini menyediakan perlindungan sedunia selama dua puluh empat (24) jam.

Manfaat-manfaat

Pampasan

A. Kematian Akibat Kemalangan

Jumlah diinsuranskan seperti dinyatakan dalam jadual

B. Kehilangan Upaya Penuh Kekal seperti dinyatakan di bawah:

Peratusan

Jumlah diinsuranskan seperti dinyatakan dalam jadual

1. Kehilangan Upaya Penuh Kekal daripada terkibat dengan atau Menghadiri pekerjaan / guna tenaga dan lain-lain
2. Lumpuh Keseluruhan atau Terlantar Kekal
3. Kehilangan sebelah atau kedua-dua tangan
4. Kehilangan sebelah atau kedua-dua kaki
5. Kehilangan sebelah atau kedua-dua mata

100%

100%

100%

100%

100%

C. Elaun Perakabungan

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan ke atas orang yang diinsuranskan, kami akan membayar jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam jadual.

D. Elaun Bantuna Banjir

Kami akan membayar jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam jadual jika anda mengalami kerugian atau kerosakan kandungan isi rumah anda akibat banjir ke rumah anda tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman dan gelinciran tanah.

Manfaat D ini akan ditamatkan secara automatik sebaik sahaja tuntutan dibuat di bawah Manfaat ini. Tiada pilihan untuk mengembalikan Manfaat ini. Sebarang tuntutan hendaklah disertakan dengan laporan polis yang mesti dibuat kepada pihak polis dalam masa yang munasabah selepas berlakunya banjir berserta gambar-gambar yang menggambarkan kerosakan akibat banjir.

E. Pendapatan Hospital Harian

Kami akan membayar elaun tunai harian seperti yang dinyatakan di dalam jadual untuk setiap hari penuh anda dimasukkan ke hospital sepanjang tempoh insurans untuk rawatan perubatan yang perlu akibat kecederaan, Demam Denggi, Malaria, Chikungunya, Japanese Encephalitis atau Virus Zika.

Had Pampasan bagi orang yang diinsuranskan

1. Bagi Manfaat B, "Kehilangan" yang merujuk kepada tangan atau kaki hendaklah bermaksud kehilangan menyeluruh penggunaan atau putus pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali.
2. Pampasan tidak akan dibayar bagi orang yang diinsuranskan untuk lebih 100% daripada jumlah diinsuranskan bagi Manfaat A hingga Manfaat B. Jika 100% Manfaat telah dibayar, polisi ini akan terhenti selepas itu.

Pengecualian Am

Kami tidak akan membayar pampasan untuk:

1. **Kecederaan**, kematian, kerosakan, kos atau perbelanjaan daripada apa-apa sifat yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - a. pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear
 - b. bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya,
 - c. apa-apa senjata perang yang menggunakan pemisahan atom atau nuklear dan/atau gabungan atau reaksi seumpama yang lain atau kuasa atau bahan radioaktif.
2. **Kecederaan** atau kematian yang disebabkan oleh:
 - a. bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan hayat manusia) atau tindakan yang melanggar undang-undang,
 - b. kehamilan, kelahiran anak,
 - c. sebarang keadaan fizikal atau mental yang sedia ada,
 - d. di bawah pengaruh dadah (melainkan dadah tersebut diambil menurut suatu preskripsi **pengamal perubatan** yang berdaftar tetapi bukan untuk rawatan penagihan dadah),
 - e. Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) atau sebarang keadaan atau penyakit berkaitan AIDS,
 - f. sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang,
 - g. Pengecualian Keganasan:

Insurans oleh **polisi** ini tidak termasuk:

kematian, hilang upaya, kerugian, kerosakan, kemusnahan, apa-apa liabiliti, kos atau perbelanjaan undang-undang termasuk kerugian berbangkit daripada apa-apa sifat, yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian;

- i) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penderhakaan, revolusi, pemberontakan, kekacauan awam dengan andaian sebahagian daripada atau dimaksudkan oleh pemberontakan, ketenteraan atau rampasan kuasa; atau
- ii) mana-mana perbuatan keganasan termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan, ancaman dan/atau memudaratkan atau merosakkan hayat atau harta (atau ancaman memudaratkan atau merosakkan) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, radiasi nuklear dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan; atau
- iii) apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, menghalang, menindas atau dalam apa-apa cara berkaitan dengan (i) atau (ii) di atas.

Jika **syarikat** mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan adalah tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan sebaliknya adalah terletak di tangan orang yang diinsuranskan.

3. **Kecederaan** atau kematian semasa:
 - a. penerbangan, selain daripada semasa dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat yang berlesen penuh.
 - b. melibatkan diri dalam atau berlatih untuk mana-mana **aktiviti-aktiviti berbahaya**.

Syarat Am

Syarat-syarat yang terkandung dalam **polisi** atau dalam mana-mana **pengendorsan** adalah sebahagian daripada kontrak dan mestilah dipatuhi. Sifatnya mengizinkan syarat tersebut menjadi syarat terdahulu kepada hak untuk menuntut terhadap **kami**.

1. **Kewajipan untuk mematuhi Syarat**
Kami hanya bertanggungjawab membuat sebarang pembayaran di bawah **polisi** jika **anda** telah mematuhi terma-terma, peruntukan- peruntukan, syarat-syarat dan **pengendorsan polisi** ini pada setiap masa.
2. **Salah Nyata atau Ketinggalan Fakta Penting**
Jika:
 - a. sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **anda** berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
 - b. sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **anda** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **anda** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
 - c. apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.maka dalam mana-mana hal di atas, **polisi** ini adalah batal.
3. **Notis**
Anda mestilah memberitahu **kami** secara bertulis dengan serta-merta apabila **anda** menyedari apa-apa perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau usaha mana-mana **orang yang diinsuranskan**, atau perubahan-perubahan lain yang boleh meningkatkan kemungkinan suatu tuntutan di bawah **polisi** ini. **Anda** mungkin dikehendaki untuk membayar

premium tambahan hasil daripada perubahan sedemikian.

4. **Tempoh Semakan Percuma**

Sekiranya **anda** ingin membatalkan polisi ini dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan polisi ini dan **anda** belum membuat sebarang tuntutan, **kami** akan memulangkan sepenuhnya premium yang telah dibayar sekiranya **anda** menulis kepada **kami** memohon pembatalan polisi ini.

5. **Pelepasan**

Penerimaan **anda** atau wakil peribadi sah **anda** atau wakil di sisi undang-undang atau mana-mana orang yang mana manfaatnya dinyatakan sebagai perlu dibayar mengikut undang-undang, hendaklah dalam semua kes secara efektif melepaskan liabiliti **kami**.

6. **Pembaharuan**

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara **anda** dengan **kami** tetapi dalam apa-apa kes berkenaan mana-mana orang yang diinsuranskan hendaklah diberhentikan pada tamatnya tempoh insurans semasa orang yang diinsuranskan itu mencapai umur seratus (100) tahun.

7. **Tempoh Ihsan**

Tempoh ihsan selama tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat polisi ini tersedia untuk pembaharuan polisi **anda**. **Kami** akan tetap bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang ditanggung semasa tempoh ihsan jika premium telah dibayar semasa tempoh ihsan. Jika premium tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi ini akan dianggap telah ditamatkan pada tarikh luput polisi ini.

8. **Pembatalan**

Anda boleh membatalkan polisi **anda** pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada **kami** secara bertulis melalui e-mel atau surat.

Bergantung pada bila **anda** membatalkan polisi, proses pemulangan premium adalah seperti berikut: -

- Dalam tempoh 15 Hari dari Tempoh Semakan Percuma: **Kami** akan memulangkan sepenuhnya premium yang telah **anda** bayar.
- Selepas tempoh 15 Hari Tempoh Semakan Percuma: **Kami** akan memulangkan sebahagian daripada premium secara berkadar bagi tempoh yang berbaki, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

Kami boleh membatalkan polisi **anda** dengan memberikan notis tujuh (7) hari melalui penghantaran berdaftar atau surat berdaftar ke alamat terakhir **anda** yang diketahui. **Kami** akan memulangkan sebahagian daripada premium secara berkadar bagi tempoh yang berbaki, dengan syarat tiada sebarang tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

Sekiranya premium **anda** dibayar bersama oleh **anda** dan pihak berkuasa yang berkenaan di bawah program yang dimulakan kerajaan yang **kami** sertai, **kami** akan memulangkan kepada **anda** sebahagian daripada premium yang **anda** bayar secara berkadar. Baki selebihnya akan dipulangkan kepada pentadbir yang dilantik oleh kerajaan.

9. **Tunai Sebelum Perlindungan**

Anda mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah polisi ini berkuat kuasa. Insurans ini tidak berkuat kuasa melainkan premium yang perlu dibayar telah dibayar.

10. **Had Umur**

Had umur bagi mana-mana orang yang diinsuranskan yang dilindungi di bawah polisi ini tertakluk kepada umur minimum enam belas (16) tahun sehingga maksimum enam puluh lima (65) tahun pada tarikh pendaftaran pertama dan boleh diperbaharui sehingga umur seratus (100) tahun.

11. **Perlindungan, Langkah Berjaga-jaga yang Munasabah dan Perubahan Material**

Anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan wajar untuk mencegah dan mengurangkan sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian dan **kami** mesti diberitahu dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa maklumat penting atau perubahan dalam hal keadaan yang boleh meningkatkan kemungkinan kuantum bagi tuntutan di bawah polisi ini.

12. **Fasal Penghilangan**

Kami akan menganggap bahawa kematian telah dialami oleh orang yang diinsuranskan sekiranya dia didapati hilang untuk dua belas (12) bulan berturut-turut dan bukti yang mencukupi telah dikemukakan yang membawa **kami** kepada kesimpulan bahawa kematian itu telah diakibatkan oleh suatu kecederaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas pembayaran pampasan kematian sedemikian telah dibuat dan orang yang diinsuranskan tersebut didapati masih hidup maka pampasan sedemikian hendaklah dipulangkan semula kepada **kami**.

13. **Pendedahan**

Sekiranya orang yang diinsuranskan mengalami suatu kecederaan dan berikutan kecederaan tersebut telah meninggal dunia atau hilang upaya sebagai akibat pendedahan kepada elemen-elemen bahaya semula jadi, maka **kami** akan mengambil kira kematian atau hilang upaya sedemikian sebagai telah disebabkan oleh suatu kecederaan.

14. **Fasal Risiko Siber (Fasal Penjelasan Bahaya Teknologi Maklumat)**

Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada kehilangan, pindaan atau kerosakan kepada, atau pengurangan dalam fungsi, kebolehcapaian atau operasi sistem komputer, perisian keras, program, perisian lembut, data, maklumat, repositori, mikrochip, litar bersepadu atau peranti yang serupa dalam peralatan komputer atau peralatan bukan komputer, sama ada harta yang diinsuranskan atau bukan, tidak dengan sendirinya menjadi suatu kejadian melainkan timbul daripada satu atau lebih Kontingensi Yang Ditakrifkan (seperti yang ditakrifkan di bawah ini) tetapi hanya setakat kerugian sedemikian akan sebaliknya diinsuranskan di bawah polisi ini.

Kontingensi Yang Ditakrifkan hendaklah bermaksud kebakaran, kilat, letupan, hentaman pesawat udara atau
Muka surat 6 dari 9

kenderaan, objek jatuh, ribut angin, siklon, taufan, gempa bumi, gunung berapi, tsunami, banjir, rusuhan, kekacauan awam, kecurian, binatang, pembekuan atau berat salji.

15. **Had Pampasan**

Diri yang diinsuranskan berhak untuk membeli hanya satu Polisi Insurans Kemalangan Diri Mini yang dikeluarkan di bawah nama **diri yang diinsuranskan** bagi tempoh insurans yang sama termasuk pertindihan tempoh insurans dan tidak akan dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi tersebut. Sekiranya **diri yang diinsuranskan** dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi itu, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu polisi yang berkaitan dengan tempoh insurans yang sama yang dikeluarkan oleh kami dan akan membayarnya manfaat pampasan tertinggi sahaja. Di mana manfaat pampasan di bawah polisi sedemikian adalah sama, kami akan membayar kepada **diri yang diinsuranskan** di bawah polisi pertama dikeluarkan dan akan mengembalikan sebarang premium pendua yang telah dibuat.

16. **Fasal Had Sekatan dan Pengecualian**

Tiada penanggung insurans adalah disifatkan untuk menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini setakat mana peruntukan seperti perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan daripada manfaat ini yang akan mendedahkan syarikat insurans itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

17. **Undang-Undang yang Berkenaan**

Polisi ini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

Syarat Tuntutan

1. **Syarat Terdahulu**

Bayaran tuntutan di bawah polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh **anda**, dan setakat mana ia dikenakan, oleh **orang yang diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut.

2. **Makluman kehilangan**

Anda mesti melaporkan secara bertulis kepada kami dalam masa tiga puluh (30) hari untuk memberikan butiran penuh apa-apa kecederaan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini. Bagi kerugian selain daripada kecederaan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi, **anda** mesti melaporkan secara bertulis kepada kami dalam masa tiga puluh (30) hari dengan butiran penuh kerugian, dan jika perlu, kami berhak untuk meminta dokumen sokongan dan/atau laporan yang berkaitan dengan perbelanjaan **anda**.

3. **Pemeriksaan Perubatan**

Anda atau **orang yang diinsuranskan** hendaklah mendapatkan perkhidmatan pengamal perubatan yang berdaftar dan **orang yang diinsuranskan** hendaklah menjalani mana-mana rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal sedemikian. **Orang yang diinsuranskan** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan selanjutnya yang dikehendaki oleh kami atas perbelanjaan kami.

4. **Dokumen**

Semua sijil, maklumat dan keterangan mestilah dikemukakan atas perbelanjaan **anda** atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut dalam bentuk dan keadaan yang dikehendaki. Dalam kejadian kematian **orang yang diinsuranskan** kami menghendaki sijil kematian ditunjukkan dan mungkin menghendaki pemeriksaan post-mortem dibuat atas perbelanjaan kami.

5. **Timbangtara**

Semua perselisihan yang timbul daripada polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara, dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, seorang Penimbangtara akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dan dalam kes Penimbangtara- penimbangtara tersebut tidak bersetuju dengan keputusan seorang Wasit yang telah dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara- penimbangtara sebelum membuat rujukan. Wasit tersebut hendaklah duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat mereka dan pemberian suatu Award adalah sebagai syarat terdahulu bagi apa-apa hak untuk bertindak terhadap kami. Jika kami menolak tuntutan liabiliti kepada **anda** atau wakil peribadi **anda** untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam dokumen ini dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan tersebut, maka tuntutan tersebut adalah disifatkan telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh dikembalikan menurut dokumen ini kemudiannya.

6. **Pembayaran Manfaat**

- a. Maka perihal mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan yang boleh dibayar di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada **orang yang diinsuranskan**, ia haruslah dibayar mengikut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- b. Maka perihal mana-mana manfaat yang boleh dibayar (kecuali mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan) di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada **orang yang diinsuranskan**, ia hendaklah dibayar kepada **orang yang diinsuranskan**. Walau bagaimanapun, sekiranya sebelum pembayaran manfaat dibayar kepada **orang yang diinsuranskan**, **orang yang diinsuranskan** itu meninggal dunia, oleh itu, kami akan membayar manfaat kepada wakil peribadi sah **orang yang diinsuranskan** dengan syarat wakil peribadi sah tersebut mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat polisi ini.

Prosedur Aduan

Kami percaya **anda** berhak untuk mendapat perkhidmatan yang berhemah, adil dan segera. Jika wujud sebarang keadaan yang menjadikan perkhidmatan kami tidak menepati jangkaan **anda**, sila hubungi kami menggunakan butir-butir hubungan di bawah dan memberikan Nombor Polisi/Nombor Tuntutan dan Nama Diri yang Diinsuranskan/Orang yang Diinsuranskan:

1. Pertama, dengan jabatan atau orang yang **anda** hubungi bila berurusan dengan kami untuk memaklumkan bagaimana **anda** mahu masalah diselesaikan.
2. Kedua, jika masalah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan **anda**, maka **anda** boleh membuat aduan bertulis secara formal kepada Jabatan Khidmat Pelanggan kami di:

Talian Khidmat Pelanggan : 1-800-88-MSIG (6744)
Faks : +603-2026 8086
E-mel : myMSIG@my.msig-asia.com
Laman web : www.msig.com.my
Alamat : Jabatan Khidmat Pelanggan
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Level 15, Menara Hap Seng 2
Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur

3. Ketiga, jika **anda** tidak berpuas hati dengan keputusan kami, **anda** boleh merujuk perkara tersebut kepada OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK) atau BANK NEGARA MALAYSIA menerusi BNMTELELINK atau BNMLINK:

a. **OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK)**

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Telefon : +603-2272 2811
Laman web : www.fmos.org.my

b. **BNMLINK**

Tingkat 4,
Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465 atau
+603-2174 1717 (untuk panggilan luar negara)
Lawatan Fizikal : Dengan temu janji hanya melalui borang eLink di
<https://bnmlink.bnm.gov.my/> atau melalui telefon

Anda boleh merujuk kepada laman web FMOS dan BNMLINK untuk maklumat terperinci tentang skop dan garis masa untuk membuat aduan.

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi anda, bermakna anda memberi kebenaran kepada kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:-

1. Untuk memproses Data Peribadi **anda** dengan matlamat untuk melaksanakan Kontrak Insurans.
2. **Anda** membenarkan dan mengizinkan kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan kami, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a. Penyelaras yang berdaftar,
 - b. Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans,
 - c. Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d. ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
3. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen **MSIG** untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang kami mungkin dedahkan Data Peribadi anda, sila rujuk kepada Notis Privasi **MSIG** di www.msig.com.my/privacy-notice/ atau mengimbas Kod QR di bawah:



*Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **anda** dengan menghubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami. Maklumat tersebut hanya akan diberi selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.*

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

Penamaan

Orang yang dinamakan oleh pemilik polisi untuk menerima manfaat kematian di bawah polisi ini.

a. Menurut Perenggan 5(1) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, penamaan yang dibuat oleh pemilik polisi bukan beragama Islam akan mewujudkan amanah bagi pihak penama polisi untuk wang polisi, iaitu manfaat kematian yang perlu dibayar apabila berlaku kematian pemilik polisi, jika:

i) penama ialah suami/isteri atau anaknya; atau

ii) penama ialah ibu bapanya (jika tiada suami/isteri atau anak yang hidup semasa penamaan dibuat).

b. Bagi penama pemilik polisi beragama Islam, selepas menerima wang polisi, beliau hendaklah mengagihkan wang polisi mengikut undang-undang Islam.

Nota: Perkataan “pemilik polisi”, “wang polisi” dan “anak” yang digunakan dalam fasal Penamaan mempunyai maksud yang diberikan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

“PEMBERITAHUAN

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.”

Orang yang Diinsuranskan hendaklah membaca **Polisi** ini dengan berhati-hati, dan jika apa-apa kesilapan atau salah gambaran ditemui dalam perjanjian ini, atau jika perlindungan adalah tidak mengikut hasrat **Orang yang Diinsuranskan**, sila beritahu **Syarikat** dengan serta-merta dan kembalikan **Polisi** tersebut untuk perhatian.

